

# Pertemuan bersejarah PM,

11 JUN 2002

ROME (Itali), Khamis -Vatican yang han menerima kunjungan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahatir Mohamad hari ini adalah negara terkecil di dunia. Sarat dengan sejarah gereja Katolik dan pemerintahan maharaja Rom, ia sememangnya menjadi tumpuan berjuta pelancong di seluruh dunia setiap tahun.

Terletak di tengah-tengah bandar Rome yang oenuh bersejarah, Vatican berkeluasan 440,000 meter persegi, tidak lebih besar daripada keluasan keseluruhan projek KL Sentral di Kuala Lumpur.

Pope John Paul II sebagai ketua gereja Katolik adalah juga ketua negaranya. Beliau dilantik oleh College of Cardinals untuk sepanjang hayat dalam satu undian sulit ketika terdapat kekosongan ja-

watan berikutan kematian Pope sebelumnya. Sebagai Pope, beliau memerintah di semua kawasan yang tertakluk mengikut perjanjian Lateran yang dimeterai dengan kerajaan Itali.

Perjanjian berkenaan yang dinamakan demikian kerana ditandatangani di kediaman Pope, Istana Lateran pada Februari 1929 mewujudkan pemerintahan autonomi Vatican atau apa yang digelar negara Holy See.

Perjanjian Lateran juga dikenali sebagai perjanjian Conciliation, kerana ia memulihkan semula perhubungan di antara kerajaan Itali dan gereja Katolik yang terputus selepas penyatuan negara berkenaan.

Mengikut sejarah gereja Katolik mempunyai pengaruh besar di keseluru-

han Itali sejak beribu tahun lalu tetapi dengan kewujudan kerajaan nasional, pengaruhnya mengecil sehinggalah kini dihadkan kepada kawasan yang dipersetujui mengikut perjanjian Lateran.

Perjanjian Lateran membolehkan, Pope ketika itu, Pius XI menggubal undang-undang asas Holy See. Undang-undang ini memberi Pope kuasa penuh menggubal undang-undang, melaksanakan fungsi eksekutif dan kehakiman.

Kuasa penggubalan undang-undang dan eksekutif berkenaan dilaksanakan oleh satu iawatakuasa Kardinal yang dilantik setiap lima tahun oleh Pope.

Semua pejabat kerajaan Vatican diletak di bawah jawatankuasa Kardinal itu. Pope juga bertanggungjawab memilih anggota diplomatik Holy See.

Vatican mempunyai wakil diplomatik di beberapa negara termasuk pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Fungsi diplomatik Vatican ini dilaksanakan oleh seorang kardinal yang menjadi setiausaha negaranya.

Sejak 1984 setiausaha negara ini juga menjaga hal ehwal dalaman Vatican bagi pihak Pope. Mengikut perjanjian Lateran juga, beberapa bangunan dalam bandar Rome mempunyai status luar jangkauan kerajaan Itali.

Bangunan berkenaan termasuk yang dibina sewaktu pemerintahan maharaja Roman seperti Caligula (37-41 Masihi), Claudius (41-54 Masihi) dan Nero (54-68 Masihi). Ini termasuk kompleks St. Peter's Basilica yang mempunyai

## Pope di Vatican hari ini

dataran, gereja dan makam yang menjadi tumpuan berjuta-juta pelancong dari seluruh dunia setiap tahun.

Pemimpin besar gereja katolik, St Peter yang berasal dari Palestin dimakamkan di kompleks berkenaan sewaktu pemerintahan Maharaja Constantine yang secara rasminya memperakui agama kristian dengan Edict of Milan pada 313 Masihi.

Sebuah kompleks gereja yang besar dibina Constantine pada 324 Masihi di makam St. Peter. Pembinaan itu menandakan pengurangan kompleks yang dibina sewaktu zaman Nero kerana kebanyakan batu yang digunakan untuk gereja baru itu diambil daripada bangunan maharaja berkenaan.

Dengan peredaran masa dan dengan silih berganti-

nya Pope, beberapa kediaman dan bangunan dibina sekitar kompleks St Peter yang kemudiannya menjadi nadi spiritual pemerintahan gereja katolik pada tempoh Middle Ages dan Renaissance.

Selepas pembinaan yang dimulakan Constantine, Pope yang memerintah menokok tambah dan membina semula bangunan di sekitar kompleks St Peter.

Selain itu ramai tokoh pelukis besar seperti pelukis dari Florence, Michelangelo menghiasai dinding dan juga siling bangunan berkenaan, dengan lakaran mereka. Antara lakaran Michelangelo ini boleh dilihat di dinding dan siling Sistine Chapel dalam kompleks Vatican.

Walaupun secara efektif-nya, Vatican adalah sebuah

negara bebas dan berasingan daripada Itali, kemasukan ke kawasannya tidak memerlukan pelawat untuk melalui proses imigrasi berasingan daripada Itali.

Malah kompleksnya, tidak mempunyai persempadanan yang ketara dengan bangunan-bangunan lain di Rome. Vatican mempunyai benderanya sendiri yang berwarna kuning dan putih dengan gambar kunci St Peter dan makhota. Ia mempunyai mata wangnya sendiri, Vatican Lira yang diguna bebas di seluruh Itali.

Ia juga mempunyai sistem dan akhbarnya sendiri *Osservatore Romano*. Ia mempunyai stesen radio yang menyiarkan rancangan di seluruh dunia dalam beberapa bahasa. Pada masa ini, Vatican mempunyai 900 penduduk,

200 daripadanya adalah wanita. Keselamatan di Vatican dijaga Swiss Guards, pasukan yang ditubuh pada 1506. Pasukan itu yang berjumlah kurang daripada 100 orang memakai pakaian yang dikatakan direka oleh Michelangelo. Semua anggotanya berkewarganegaraan Switzerland dan menawarkan khidmat untuk masa yang singkat. Jauh daripada anggapan ramai, Vatican sebenarnya adalah satu entiti yang berasingan dengan gereja Katolik.

Gereja berkenaan mengandungi semua penganut Katolik di seluruh dunia yang mengaku Pope sebagai ketua agama mereka. Pope dengan bantuan College of Cardinals (jawatankuasa kardinal) dan Bishop's Synod (perhimpunan bishop) mentadbir gereja Katolik.